



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kekosongan: 3,586

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Khusus Lantikan Pegawai Kontrak

- (a) Calon telah dilantik kontrak (*Contract of Service*) di KKM berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016;
- (b) Calon telah menamatkan latihan siswazah di dalam atau di luar negara;
- (c) Calon merupakan lantikan kontrak mulai tahun 2016 hingga 2018 sahaja;
- (d) Calon tidak pernah meletak jawatan, tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dan tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tempoh kontrak; dan
- (e) Calon tidak pernah menolak tawaran pelantikan tetap.

4. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan ijazah dan nombor pendaftaran penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia **pada atau sebelum tarikh tutup iklan** permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang berminat perlu **mendaftarkan/ mengemaskini** permohonan bagi **jawatan dan gred di atas sebelum atau pada tarikh tutup iklan**. Calon perlu **memastikan pusat temu duga dikemas kini sebelum atau pada tarikh tutup iklan berdasarkan tempat berkhidmat semasa**. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **15 Mac 2022 (Selasa), jam 11.59 malam**.